



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**OP FALCON: JTKSM KESAN PELANGGARAN UNDANG-UNDANG BURUH DAN
EKSPLOITASI PEKERJA OLEH SYARIKAT PEMBERSIHAN**

1. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) memandang serius penemuan pelanggaran undang-undang perburuhan oleh sebuah syarikat perkhidmatan pembersihan di Lembah Klang, menerusi operasi bersepadu 'Op Falcon' yang dijalankan pada 2 September 2026.
2. Dalam operasi yang diselaraskan bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan pelbagai agensi lain, fokus utama JTKSM mendapati majikan terbabit disyaki melakukan eksploitasi pekerja yang menyalahi akta perburuhan negara.
3. Kesalahan utama yang direkodkan JTKSM termasuk:
 - i. Kegagalan membayar gaji minimum RM1,700 sebulan, melakukan pemotongan gaji, tanpa persetujuan pekerja.
 - ii. Majikan juga didapati mengeksploitasi pekerja dengan arahan bekerja lebih masa yang melampau sehingga 15 jam sehari. Keadaan ini disokong oleh penemuan rekod pekerja yang melarikan diri akibat tidak tahan dengan eksploitasi dan sekatan pergerakan oleh majikan.
 - iii. Majikan juga menjalankan operasi perekrutan dan pembekalan pekerja asing tanpa lesen yang sah.
4. JTKSM tidak akan berkompromi dengan mana-mana majikan yang menindas hak pekerja. Tindakan undang-undang yang tegas di bawah Akta Kerja 1955, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, dan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 akan diambil ke atas syarikat tersebut.

5. JTKSM akan terus bekerjasama rapat dengan JIM dan agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan kebajikan pekerja terpelihara dan menghapuskan sebarang bentuk amalan buruh paksa di negara ini.

TAMAT

Unit Komunikasi Korporat

Pejabat Ketua Pengarah

3 September 2026